



BULETIN HOSPITAL PITAS

Peneraju Kesihatan Berkualiti

Edisi 4 Bil. 2/2009

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Hospital Pitas PETI SURAT 08, 80100 PITAS, SARAWAK
TEL: 088-676100 FAX: 088-611203



Laman Web: <http://hpitas.moh.gov.my>

e-mail: pengarah.pitas@sbh.moh.gov.my

e-masa satu cabaran besar bagi Hospital Pitas



Kempen darma darah berjaya kumpul lebih 78 pin darah.



Apakah motif di sebalik senyuman gadis ini??



Joanna Rangkul 2 Kejuaraan

Perutusan Pengarah Hospital



Tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin Hospital Pitas edisi kedua tahun 2009. Keluaran ini memaparkan berita dan aktiviti sepanjang bulan Julai hingga Disember 2009.

Banyak peristiwa yang berlaku sepanjang masa ini yang menunjukkan kematangan warga hospital serta perkembangan hospital dalam menuju ke arah hospital cemerlang dengan memberi penekanan kepada penglibatan orang awam, NGO serta kebajikan kakitangan hospital.

Pada penggal kedua ini, Ahli Lembaga Pelawat telah dilantik dan membuat lawatan dan mesyuarat pertama di Hospital Pitas. Persatuan Tzu Chi telah menderma bagi Balai Pelawat, Hari Keluarga dan Pesta Kaamatan diraikan bersama, serta Ratu Kaamatan Hospital Pitas yang pertama dimahkotakan adalah antara aktiviti dan peristiwa yang dijalankan di Hospital Pitas.

Buletin kali ini memberi satu rasa perayaan dan semangat kerjasama yang harus diteruskan untuk meningkatkan rasa keseronokan bekerja di hospital ini.

Sekian terima kasih.

Dr Francis Paul



KANDUNGAN.

ms.00.Utusan Pengarah Hospital.

ms.02.Dari Ketua Editor



ms.03
E-masa; satu
cabaran besar
Hospital Pitas

ms.04.Ke arah *Baby Friendly Hospital*

ms.05.Kempen Derma Darah



MS.06
Low Back Pain

ms.08.Balai Pelawat Mendapat Sumbangan



ms.09.
Hari Keluarga
Hospital Pitas

ms.10.Berita Bergambar

ms.11.Sambutan Kaamatan

ms.12.
Perkhidmatan Ambulan & Kenderaan

ms.13.Program SMS & Ambulans

ms.14.Weddings





DARI KETUA EDITOR.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua AJK yang terlibat dalam menerbitkan Buletin Hospital Pitas keluaran kali yang keempat walaupun didalam kesibukan tugas seharian.

Dikesempatan ini saya juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas kepada yang merayakan dan Tahun Baru 2010 kepada semua warga Hospital Pitas semoga ditahun mendatang ini azam dan iltizam kita akan lebih menyerlah lagi.

Akhir tinta, kepada barisan AJK dan semua yang terlibat dalam menjayakan Buletin kali ini semoga segala usaha-usaha anda diberkati Allah SWT. Syabas dan Tahniah!

Sekian, terima kasih.

JAIMIN BIN MAKAJIN

jaimin@sbh.moh.gov.my



SIDANG REDAKSI

Penaung : Dr Francis Paul

Rekabentuk Grafik: En. Joseph

Editor:

- ◆ *En. Patrick,*
- ◆ *En. Miharil*
- ◆ *Cik. Olga*
- ◆ *Cik. Kimberley*

Jurufoto:

- ◆ *En. Fauze*
- ◆ *En. George Dell*
- ◆ *Cik. Iisa Choo*

Bendahari:

En. Mohd Faizal

Wartawan:

- ◆ *Pn. Norlitha*





E- MASA: SATU CABARAN BESAR HOSPITAL PITAS

Pada bulan Julai 2009, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah Dr Hj Marzuki Bin Md Isa dengan rombongan dari JKNS telah membuat lawatan pemantauan ke Hospital Pitas dan meninjau khususnya pelaksanaan waktu operasi JPL (Jabatan Pesakit Luar), emasa dan perkhidmatan kaunter.

Dr Marzuki diberi penerangan ringkas pelaksanaan e-masa. Sekeping borang dikepilkan pada fail pesakit bersertakan nombor giliran panggilan (dihasilkan oleh QMS system digital). Masa pendaftaran dihasilkan oleh QMS manakala, masa panggilan konsultasi dan tamat konsultasi dibuat secara manual oleh

pegawai yang merawat. Semua data ini dimasukkan ke dalam sistem e-masa atas talian. Pencapaian e-masa bagi bulan Jun 2009 adalah 24% iaitu peratus masa menunggu kurang daripada 30 minit. Pencapaian ini masih lagi di tahap yang tidak memuaskan, dan semua kakitangan diminta berusaha untuk memperbaiki e-masa. Dengan usaha gigih staf JPL, pencapaian pada bulan Disember 2009 telah meningkat kepada 60.41%.

Pada masa yang sama Pengarah Hospital Pitas, Dr Francis Paul, juga memberi penerangan mengenai pelaksanaan sistem blok temujanji bagi rawatan susulan pesakit di bawah kendalian Pegawai Perubatan. Pemantauan masa menunggu bagi pesakit kumpulan ini dibuat berasingan dan dilaporkan secara berkala dalam KPI Pengarah Hospital. Pencapaian masa menunggu bagi kes pegawai perubatan ialah 89.9% bagi tahun 2009. Kekurangan pegawai perubatan di hospital menyebabkan klinik susulan hanya dikendalikan dari jam 8 pagi hingga 1.00 petang dan bilangan pesakit dihadkan kepada 6-8 pesakit sejam untuk memastikan kualiti rawatan yang baik. Kes-kes cicir atau rujukan luar biasa pula akan dikendalikan pada sebelah petang.

Pemantauan terhadap kes cicir (defaulter cases) juga dibuat dan mendapati kadar kes cicir adalah 15 % dan kebanyakannya disebabkan oleh masalah sosial seperti masalah keluarga, kewangan, dan kenderaan. Terdapat juga masalah lain yang dikenalpasti iaitu lupa dan salah tarikh temujanji, ubat habis, dan kesihatan pesakit yang merosot.



Pengarah Kesihatan Negeri Sabah amat berpuas hati dengan pencapaian piagam pelanggan di Unit Farmasi yang menunjukkan peratusan pencapaian kajian masa menunggu kurang 30 minit adalah melebihi 85% seperti yang ditetapkan oleh piagam pelanggan farmasi. Dr Hj Marzuki memberi cabaran kepada Unit Farmasi untuk mengurangkan lagi masa menunggu kepada 15 minit untuk meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan farmasi.

Sistem e- masa masih lagi satu cabaran besar bagi Hospital Pitas.

Namun ia bukanlah satu penghalang bagi warga Hospital Pitas untuk terus memperbaiki perkhidmatan yang diberikan. Malah cabaran yang seumpama ini dapat mendorong warga hospital untuk bekerja dengan lebih proaktif demi perkhidmatan yang berkualiti. 😊

Ke arah "Baby Friendly Hospital"



Unit Laktasi Hospital Pitas mula ditubuhkan pada 30 Jan 2007. Objektif utama adalah membantu ibu-ibu yang mempunyai masalah dalam penyusuan susu ibu dan cara pengendalian berdasarkan kepada **10 Langkah ke arah menjayakan penyusuan susu ibu (WHO)**

12 Polisi penyusuan susu ibu Hospital Pitas

Pengendalian Unit Laktasi Hospital Pitas dilaksanakan oleh seorang Jururawat Laktasi, Jururawat Yang Men-

jaga dan semua AJK Induk Penyusuan Susu Ibu Hospital Pitas, serta sokongan pemuh daripada Pengarah Hospital Pitas.

Bagi memantapkan lagi fungsi Unit Laktasi, Ahli Kumpulan Sokongan Ibu (AKSI) etelah ditubuhkan, dengan keahliannya seramai 35 orang telah dipilih mewakili setiap mukim di Daerah Pitas dan dipengerusikan oleh Pn. Sardayah Hj. Abdul Rajak. ☺



Unit Laktasi Hospital Pitas telah menetapkan sasaran untuk mencapai pengiktirafan sebagai **Hospital Rakan Bayi** pada tahun 2008. Berikutan dengan ini berbagai aktiviti telah dijalankan berpandukan Takwim Tahunan Unit Laktasi.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2008 adalah:

1. Mengadakan mesyuarat dan perjumpaan secara berkala dengan AJK Induk Penyusuan Susu Ibu Hospital Pitas.
2. Mengadakan mesyuarat dan perjumpaan secara berkala dengan Ahli Kumpulan Sokongan Ibu (AKSI) Hospital Pitas.
3. Mengadakan Kursus Pengurusan Laktasi 18 jam bagi semua staf Hospital Pitas.
4. Mengadakan Kursus Pengurusan Laktasi Ulangkaji 8 jam untuk staf hospital.
5. Mengadakan Kursus Pengurusan Laktasi 10 jam untuk semua Ahli Kumpulan Sokongan Ibu (AKSI) Hospital Pitas.
6. Melaksanakan Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia pada 1-7 Ogos 2008.



Tarikh penting untuk Unit Laktasi Hospital Pitas.

5-6 Ogos 2008 (Internal Assessment)

Telah diadakan bersamaan dengan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia. Telah dinilai oleh PZM Richard dan PZM Zulkifli. Telah Berjaya melayakan Hospital Pitas untuk menghadapi penilaian 'External Assessment.

17-18 Disember 2008 (External Assessment)

Telah dinilai oleh PZM Puan Zaiton, DR Fauziah dan Sister Gadung. Keputusan belum diketahui.

Kempen Derma Darah



Untuk mengatasi kekurangan darah di Hospital Pitas, 3 kempen derma darah telah diadakan sepanjang Julai- Disember 2009. Yang pertama adalah pada 20 Julai 2009, kempen derma darah ini adalah anjuran PIBG SK Pekan Pitas 2 bersempena dengan Majlis Sambutan Hari Guru sekolah tersebut. Dalam kempen ini, sebanyak 11 pain darah telah berjaya dikumpul. Kempen derma darah telah diadakan sekali lagi pada 11 November 2009 bertempat di Dewan Masyarakat Daerah Pitas. Kempen kali ini adalah anjuran Persatuan Bulan Sabit Merah Daerah Pitas. Penderma- penderma tersebut terdiri daripada pelajar sekolah menengah, kumpulan RELA, dan juga penduduk- penduduk Daerah Pitas. Dengan berkat kerjasama semua pihak, sebanyak 41 pain darah berjaya diperolehi. Memandangkan bekalan darah masih tidak mencukupi, kempen derma darah diadakan sekali lagi pada 26 Disember 2009 di Tapak Tamu Pekan Pitas. Kempen derma darah yang terakhir pada tahun 2009 ini telah mengumpul sebanyak 26 pain darah. Jumlah ini merupakan jumlah yang sedikit jika dibandingkan dengan keperluan darah pesakit Daerah Pitas. Oleh itu, kempen derma darah seumpama ini adalah sangat dialu-alukan bagi membantu insan yang memerlukan. 😊





Low Back Pain

Epidemiology

More than three-quarters of the world's population experience back pain at some point in their lives.

90% of cases are of mechanical origin and most resolve spontaneously within 1-2 weeks. In some episode can last for as long as one month. Mechanical low back pain is associated with occupation than involve heavy lifting bending or manual laboring or nursing or even prolonged driving.

Aetiology

Cause of back pain mechanical

Prolapsed intervertebrate disc, Lumbar spondylosis, Spinal stenosis,

pondylolisthesis

Congenital abnormality

Inflammatory

Infections, Ankylosing spondylitis

Metabolic

Osteoporosis, Osteomalitis, Peget's disease

Neoplastic

Metastases, Myeloma

Referred Pain

Pancreas, bowel, kidney, peptic ulcer, endometriosis, herpes zoster, polymyalgia rheumatic

Clinical features

Characteristically acute in onset and mostly associated with history of lifting or bending.

Radiation of pain to the thigh can be associated with sprains of muscles, ligaments.

Pain which radiate down the back of the leg beyond the knee and pain which is aggravated by coughing,

sneezing and straining at stool is usually associated with disc protrusion or possible nerve root compression. A history of intermittent claudication may be an indicator to peripheral vascular disease spinal stenosis.

Emergency investigation is indicated in the following:-

Loss of bowel or bladder control

Loss of sphincter tone.

Sensory level or neurological deficit

Investigation

Low HB and raised CRP or ESR may indicate possible inflammation or malignancy

A raised prostate-specific antigen (PSA) is indicative of metastatic carcinoma of the prostate

Raised alkaline phosphatase with other bone metastases and peget's disease

Plain radiograph are indicated in all patients whose pain persists for one month


Management

Most episode of mechanical low back pain resolve spontaneously in 1-2 weeks with reassurance and simple analgesics. In more severe cases, bed rest and physiotherapy may be necessary.

Chiropractic manipulation has shown to be helpful in some.

Epidural corticosteroid injections are occasionally used in patients with nerve root compression that has failed to respond to conservative treatment.

Surgery is indicated in less than 1% of patients with low back pain. ☺



BALAI PELAWAT MENDAPAT SUMBANGAN

Sekian lama Balai Pelawat Hospital Pitas beroperasi tanpa katil dan tilam sejak tahun 2006. Para pelawat terpaksa menggunakan tilam yang dipinjam daripada kelab Sukan dan Rekreasi Hospital Pitas atau baring di atas lantai. Begitulah keadaan pelawat yang bermalam di Balai Pelawat Hospital Pitas.



Pengarah Hospital telah berhubung dengan Persatuan Tzu Chi Malaysia dan dengan murah hati, persatuan ini telah mendermakan 10 buah katil yang lengkap dengan tilam, bantal yang mencukupi serta meja dan kerusi bagi kedua-dua balai pelawat wanita dan lelaki.

Dengan adanya kemudahan ini, pelawat atau pesakit dari jauh dapat berehat dengan selesa.

Linen seperti selimut, cadar dan sarung bantal disediakan oleh Faber Mediserve dan dibersihkan setiap hari.

Persatuan ini juga sentiasa memberi sokongan kepada hospital dalam lain-lain aktiviti seperti menyediakan rumah penyayang bagi ibu-ibu mengandung yang datang dari kawasan yang jauh dari hospital. Rumah ini terletak 5 minit dari Hospital dan dikendalikan oleh seorang penjaga ayang akan menjaga kebajikan ibu-ibu ini. Setakat ini seramai lebih 200 orang bayi daripada rumah penyayang ini telah dilahirkan. 😊



MAJLIS PENYERAHAN SOLUTION PROTOCOL

Pada 1 Oktober 2009, satu majlis sederhana penyerahan Penyelenggaraan ICT oleh Solutions Protocol kepada Hospital Pitas telah diadakan. Majlis ini dihadiri oleh pihak dari JKR, Solutions Protokol serta disaksikan oleh Pengarah Hospital Pitas, Dr Francis Paul, dan warga Hospital Pitas. Mulai dari tarikh tersebut, semua penyelenggaraan ICT akan dikendalikan oleh pihak Hospital Pitas. Semua dokumen yang berkaitan diserahkan kepada hospital secara berperingkat dan telah sempurna pada bulan Disember 2009.

😊



HARI KELUARGA HOSPITAL PITAS

MERIAH !!



Senyuman menawan tanda kemesraan sempena Malam Glamour Global

Hari Keluarga 2009 anjuran Kelab Sosial dan Kebudayaan Hospital Pitas disambut dengan begitu meriah pada 17 Disember 2009 dengan disertai seluruh warga hospital termasuk kakitangan Faber Mediserve. Hari Keluarga kali ini mendapat tajaan beberapa syarikat pembekal Hospital Pitas. Dengan persediaan yang begitu singkat, para AJK Hari Keluarga bertungkus- lumus membuat persediaan. Pelbagai acara seperti pertandingan mewarna bagi kanak- kanak, tarik tali, perlawanan bola tampar, bola sepak, ping- pong dan sepak takraw telah diadakan. Selain itu, terdapat juga acara sukaneka bagi kanak- kanak. Acara dan permainan ini bertu-

juan untuk meningkatkan penglibatan semua warga Hospital Pitas di samping mengeratkan silaturahim antara staf hospital dan kakitangan Faber Mediserve.

Kemuncak Hari Keluarga adalah pada malam 17 Disember 2009. Majlis sambutan Hari Keluarga kali ini diadakan di Dewan Serbaguna Daerah Pitas. Dengan bertemakan *Glam Global*,



Persembahan pembukaan Majlis Glam Night

warga Hospital Pitas tampil dengan pelbagai pakaian yang indah dan menawan. Pada malam tersebut



Pasangan sedondon

King & Queen

juga, Mohd Faizal Bin Mohd Ridzwan dan Kimberly James telah dinobatkan sebagai *King & Queen of The Night*. Selain itu, pertandingan pasangan sedondon pula telah dimenangi oleh Puan Norlitha Bundah dan suami. Hari keluarga pada kali ini disambut dengan penuh riang ria dan telah menunjukkan ikatan silaturahim yang begitu erat. 😊



Bionic women vs Ironmen

Berita Bergambar



Antara model jelitawan di Hospital Pitas



Pedumpunan Hari Merdeka di aras 2 blok perubahan



Mesyuarat Security Guard Hospital Pitas



Riani dan keluarganya menyambut Hari Keluarga



Johan Tug of War wanita



Demonstrasi prosedur Endotracheal intubation



Air sampling in OT



Pengarah Hospital meninjau status di JPL



Caroling untuk menghibur pesakit



Lawatan AKSI di wad Kanak-kanak



Pegawai perubatan yang berdedikasi



Antara perubatan di Hospital Pitas Sabtu 20/11

Joanna Rangkul 2 Kejuaraan

Demi untuk memperingati budaya dan tradisi masyarakat Sabah, 1 sambutan Kaamatan peringkat Hospital Pitas telah diadakan secara gilang-gemilang pada 4 Julai 2009. Persediaan yang rapi telah mula dilaksanakan selama 2 minggu menjanjikan acara yang sudah pastinya menarik dan menghiburkan.



Majlis

Kaamatan ini diserikan dengan tarian tradisi kaum Rungus yang disertai oleh kakitangan Hospital Pitas dan Faber. Kernuncak majlis ini adalah acara Unduk Ngadau, acara ini mendapat sambutan yang hangat dari para penonton yang hadir pada malam itu. Selain daripada itu, pertandingan

sugandoi dan acara cabutan tiket bertuah diadakan bagi memeriahkan lagi suasana pada malam itu.

Bak kata pepatah, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tak siapa yang tahu. Begitulah kisahnya Cik Joanna Joniau yang telah merangkul 2 kejuaraan pada malam itu. Beliau menjadi juara Unduk Ngadau 2009 dan juara pertandingan sugandoi 2009. Dalam acara Unduk Ngadau, Naib juara disandang oleh Cik Welvina Patin dan tempat ketiga dimenangi oleh Cik Fazalya P. Loh.





PERKHIDMATAN AMBULANS & KENDERAAN HOSPITAL PITAS

Seawal jam 8 pagi, Unit Kecemasan & Trauma menjadi tumpuan beberapa pesakit yang memerlukan perkhidmatan kenderaan ke pusat rujukan di Kota Kinabalu. Orang yang bertanggungjawab menguruskan Perkhidmatan Ambulans dan kenderaan di Hospital Pitas adalah Encik Kahirun Naim. Setiap pagi beliau akan meneliti dan meluluskan penggunaan kenderaan mengikut polisi yang sedia ada.

Menurut beliau, penggunaan kenderaan hospital ada sangat tinggi kerana Hospital Pitas merupakan tempat yang paling jauh ke pusat rujukan di Kota Kinabalu. Setiap perjalanan ke Kota Kinabalu mengambil masa 3jam iaitu

sejauh 195km. Secara purata 3 buah kenderaan hospital akan ke Kota Kinabalu dengan pelbagai urusan. Hospital Pitas dibekalkan dengan 3 buah ambulans Keluaran Mercedes, sebuah Toyota Land Cruiser, sebuah Toyota Fortuner, sebuah van penumpang, sebuah van pengangkutan, 2 buah van jenazah/ mayat, dan sebuah lori. Hanya 8 orang pemandu hakiki dan 3 orang pemandu 'authorized' yang dibenarkan membawa kenderaan hospital ke tempat yang dituju.

Selain itu, terdapat juga perkhidmatan panggilan ambulans yang bertindak membawa pasukan perubatan ke tempat kejadian untuk memberikan perkhidmatan rawatan kecemasan serta membawa mangsa ke hospital. Sekiranya terdapat permintaan terhadap kenderaan mayat/ jenazah, pihak hospital boleh memberikan perkhidmatan tersebut. Namun penghantaran ini bergantung kepada keadaan jalan raya. Memandangkan kenderaan yang sedia ada bukan jenis pacuan 4 roda, maka perkhidmatan penghantaran hanya terhad melalui jalan raya bertar sahaja.

Disebabkan permintaan kenderaan yang sangat tinggi, setiap pemandu perlu bersedia 24jam seandainya perkhidmatan mereka diperlukan. Mereka telah meredah pelbagai keadaan cuaca, bencana alam, ragam pesakit dan staf sepanjang perkhidmatan mereka di Hospital Pitas. Perkhidmatan ambulans dan kenderaan merupakan salah 1 perkhidmatan yang tidak kurang pentingnya untuk menjamin perkhidmatan kesihatan berkualiti di daerah pedalaman seperti daerah Pitas ini.

Disediakan oleh,
Olga N Ambu.



INGIN MENGAMBIL BEKALAN UBAT

ULANGAN??



SMS & AMBIL

Untuk pengetahuan anda, Unit Farmasi, Hospital Pitas telah mula melaksanakan program ini pada 6hb Mac 2009. Ia dilaksanakan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pesakit yang datang untuk mengambil ubat secara ulangan. Program ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada pesakit malah ia telah berjaya mengurangkan masa menunggu pesakit mendapatkan ubat. Ia dilaksanakan 100% secara manual yang mana melibatkan Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi. Kaedah yang kami gunakan untuk mempromosikan program ini kepada pesakit adalah melalui *flyer* dan *poster*.

Sebelum pesakit menggunakan program ini, mereka perlu didaftarkan terlebih dahulu. Proses pendaftaran pesakit melibatkan penerangan syarat-syarat dan cara-cara membuat pesanan dan jika pesakit bersetuju mereka akan didaftarkan serta diberi Kad Ahli dan No. Rujukan SMS. Antara syarat utama ialah ialah mereka yang mempunyai preskripsi ulangan sahaja yang dibenarkan menyertai program ini.

Pesakit dikehendaki membuat pesanan sekurang-kurangnya 3 hari bekerja sebelum tarikh mereka mengambil ubat tersebut. Antara maklumat yang diperlukan ialah nama penuh, nombor rujukan SMS, tarikh preskripsi dan tarikh mengambil ubat. Manakala pihak kami akan memastikan preskripsi berkenaan masih *valid* serta menghantar SMS pengesahan kepada mereka.

Bagi proses pengambilan ubat, pesakit akan datang pada tarikh yang telah ditetapkan dan membawa bersama preskripsi asal serta kad ahli SMS & Ambil. Proses pendispensan akan dilakukan seperti biasa samada oleh Pegawai Farmasi atau Penolong Pegawai Farmasi. Bagi preskripsi yang masih mempunyai ulangan, cadangan tarikh pengambilan ubat seterusnya akan dibuat manakala jika bekalan telah berakhir, pihak kami akan mengingatkan pesakit supaya menggunakan khidmat yang sama bagi kemudahan mereka.

**Disediakan oleh,
Muhammad Bin Md Zain
Pegawai Farmasi U41.**

Potrait

Sepanjang Hayat

"Cinta sejati bersatu"



Cairin & Andy

Cairin & Andy

Jandau & Rayticia

Jandau & Rayticia

Erma & Md. Julnijan

Erma & Md. Julnijan

Flora & Daniel

Flora & Daniel

Nor Deana & Ridwan

Nor Deana & Ridwan

penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan ikhlas kepada
warga Hospital Pitas:

Faber Medi-Serve Sdn Bhd

CT Medicare Supplies & Services

Afie Enterprise

Winning Force Security

Syarikat Jaya Usaha

Bumi Medik Enterprise

Visa Setia Sdn Bhd

Persatuan Tzu Chi Malaysia

Dunggong Jaya